



SIARAN MEDIA

PUSAT BIOSEKURITI PERIKANAN –

MAKMAL RUJUKAN BAGI JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN

1. Pada hari ini Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menjemput para pengamal media untuk lebih mengenali peranan Makmal Biosekuriti Perikanan atau dikenali sebagai Pusat Biosekuriti Perikanan yang menawarkan perkhidmatan **jaminan keselamatan makanan** bagi analisis bagi parameter kesihatan awam dan kesihatan ikan.
2. Terdapat **6 Makmal Biosekuriti Perikanan** di seluruh Malaysia yang menawarkan **perkhidmatan analisis untuk pemantauan kesihatan ikan (3 Makmal) dan kesihatan awam (3 Makmal)**. Makmal-makmal ini terletak di Tunjang, Kedah; Kuala Lumpur, Sepang KLIA; Kuantan, Pahang dan Gelang Patah, Johor menjalankan analisis terhadap program pemantauan di bawah program kawalan rasmi dan jaminan rasmi Jabatan Perikanan Malaysia.
3. **Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur (PBPKL)** merupakan salah satu makmal rasmi di bawah DOF. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah menganalisis sampel di bawah **program kawalan rasmi** bagi keselamatan makanan (ikan) terhadap kesihatan awam. antaranya; SPS (Sanitary and Phytosanitary) Aquaculture, NSSP (National Shellfish Sanitation Program), ARMP (Aquaculture Residue Monitoring Program), FDM (Feed Mill), FST (Feed store) dan FSM (Fish Mill).
4. PBPKL mempunyai **5 makmal** yang mematuhi piawaian yang ditetapkan standard antarabangsa, iaitu; Makmal Residu Drug Veterinar (Kimia), Makmal Pestisid (Kimia), Makmal Mikrobiologi (Biologi), Makmal Biologi Molekul (Biologi) dan Makmal Plankton dan Parasitologi (Biologi).

5. Secara keseluruhannya pada tahun 2019, **PBPKL telah menjalankan 3,158 analisis**. Hasil pembangunan kaedah-kaedah analisis makmal yang mengikut **standard piawaian selaras dengan akreditasi MS ISO/IEC 17025**. Makmal ini juga menjalankan **kolaborasi antara makmal** dengan makmal-makmal biosekuriti dan juga makmal-makmal di peringkat antarabangsa.
6. PBPKL juga menerima sampel-sampel ad-hoc bagi **kes pencemaran kimia seperti yang berlaku di Sungai Kim Kim** dan kes kematian ikan bagi analisis residu pestisid, **kes pencemaran DNA khinzir** bagi analisis identifikasi porcine serta kes ledakan alga (algae bloom) bagi analisis identifikasi plankton.
7. Manakala, **Pusat Biosekuriti Perikanan Selangor di KLIA** merupakan sebuah **Makmal Rujukan (Reference Laboratory)** dalam hal berkaitan kesihatan ikan yang menerima **Akreditasi ISO 17025**.
8. Pusat Biosekuriti Perikanan Selangor ini mempunyai **3 fungsi penting** sebagai pintu perdagangan keluar masuk ikan hidup negara iaitu melaksanakan langkah **kawalan rasmi, jaminan rasmi dan analisa rasmi**. Keupayaan makmal ini adalah untuk menganalisa lebih 5,000 sampel setahun untuk pengesanan lebih 20 penyakit bawaan virus, parasit dan bakteria.
9. Terdapat 2 seksyen yang berfungsi untuk menjalankan kajian iaitu :
 - a. **Seksyen analisa rasmi** yang terdiri daripada makmal virologi, biologi, mikrobiologi, parasitologi dan kualiti air. Pada tahun lalu, sebanyak **5,685 bilangan sampel telah dianalisa**
 - b. **Seksyen kawalan rasmi** pula terdiri daripada unit kesihatan ikan, kesihatan awam dan audit dan pensijilan. Sebanyak **204 ladang/premis** telah berdaftar di bawah pusat ini seperti lading ikan hiasan/ikan makan, premis pengeksport/pengimport, hatcheri, kilang makanan ikan dan pemprosesan ikan.

###

Siaran media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

11 Februari 2020 (Selasa) jam 10.00 pagi.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my